

30/07/1997

Mengubah cara berfikir perkongsian pintar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucap terna merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID) kali ketiga di pulau legenda itu kelmarin, menyifatkan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebagai contoh perkongsian pintar. Ini kerana perkongsian itu membabitkan berbilang parti dan bangsa yang boleh bersatu dalam satu haluan untuk kepentingan bersama. Menurut Perdana Menteri, BN memberi penekanan kepada perkongsian kuasa, musyawarah dan memberi peluang penyertaan adil kepada semua parti komponen, tidak kira besar atau kecil. Berikutan itu, tidak timbul persoalan penguasaan oleh satu parti terhadap parti yang lain.

Barangkali ramai yang berpendapat perkongsian pintar, terutamanya dalam perniagaan, adalah sesuatu yang sukar dilaksanakan berbanding perkongsian kuasa dalam politik. Ada juga yang akan menyatakan berkongsi perniagaan sukar bertahan lama dan lambat-laun rakan kongsi yang tidak puas hati akan menarik diri. Lebih malang, rakan kita sendiri cuba menggagalkan perniagaan berkenaan kerana tidak puas hati dengan pembahagian keuntungan atau cara perniagaan itu dikendalikan.

Bagaimanapun kita merasakan, dalam suasana dan iklim perdagangan antarabangsa yang serba canggih berkembang serta dunia tidak bersempadan, perkongsian pintar tidak hanya terbatas kepada keuntungan saja. Walaupun perkongsian membabitkan konglomerat antarabangsa terkemuka dengan kepentingan setempat termasuk syarikat Malaysia itu bertujuan mendapat untung, matlamat murni adalah untuk peningkatan taraf hidup penduduk yang seterusnya melonjak status sesebuah negara itu.

Pengurusan perniagaan yang semakin kompleks hari ini berikutan wujudnya pelbagai cabaran dan agenda baru, juga menyedarkan pengusaha bahawa konsep daya saing yang menekankan kepada satu pihak saja untung manakala pesaing lain rugi, semakin ketinggalan malah sukar direalisasikan. Pesaing seperti itu akan mewujudkan permusuhan yang berpanjangan. Walaupun natijahnya sebelah pihak meraih keuntungan, tidak ada jaminan pesaingnya tidak melakukan sesuatu lebih drastik bagi menguasai semula pasaran. Pada masa yang sama, mereka yang untung terus diulit kebimbangan dan berkedudukan tidak stabil kerana mengetahui pesaing sedang melakukan pelbagai tindakan bagi membolot apa yang diperolehinya.

Oleh itu, pengendalian perniagaan yang berjaya pada masa depan bergantung kepada sejauh mana kemampuan sesebuah perbadanan, syarikat atau konglomerat mewujudkan resolusi yang boleh mewujudkan suasana "untung-untung" kepada kedua-dua pihak. Ia juga berkait rapat dengan usaha memaksimumkan penggunaan semua peluang yang ada. Kita yakin sesebuah entiti perniagaan hanya dapat terus berkembang pada masa depan kerana ada pihak lain yang mahu berurusan dengannya.

Tindakan sebuah syarikat gergasi mengaut keuntungan dengan menguasai syarikat kecil yang tidak mampu dalam pelbagai aspek, semakin tidak praktikal. Keadaan yang sama juga berlaku dalam pentadbiran sesebuah ekonomi. Negara kini hanya dapat terus berkembang kerana semua negara lain yang berdekatan dan jauh daripadanya juga mampu maju. Fenomena inilah yang dikenali sebagai Kerjasama Kemewahan Sejagat. Dari sinilah wujudnya konsep yang amat penting iaitu perkongsian pintar.

Kita percaya inisiatif menerusi LID ini dapat mewujudkan platform mengumpulkan semaksimum mungkin tokoh politik, korporat, birokrat yang berpengalaman dan pelbagai pakar dalam bidangnya, membincangkan konsep itu dan bagaimana ia boleh memanfaatkan.

Selepas tiga kali diadakan di Langkawi, kita merasakan perkongsian pintar menuntut cara baru berfikir semua anggota masyarakat dalam satu proses evolusi mengenai kaedah sesuai memajukan ekonomi dan mengagihkan kekayaannya. Semua pihak mesti mengubah cara berfikir ini seperti manusia berpindah kepada ekonomi kapitalis daripada sosialis dan komunis pada satu masa dulu. Kaedah ini pasti akan menjadi agenda pentadbiran sejagat di mana inovasi diperlukan dalam usaha menjamin kemampuan pengurusan berwibawa untuk menghadapi pelbagai suasana baru. Menerusi penjanaan kesan sinergi maksimum daripada sistem formal dan tidak formal, perkongsian pintar mampu menyokong operasi entiti sektor awam dan swasta yang kemudiannya membentuk asas bagi sistem perniagaan yang berjaya. Lebih penting perkongsian pelbagai bangsa dan negara itu mewujudkan kestabilan sekali gus meningkatkan lagi kemakmuran ekonomi sesebuah negara khususnya dan dunia amnya.

(END)